



**SIARAN AKHBAR**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Pemeriksaan bersepadu di antara JPES dan SDT**  
**memastikan amalan perniagaan beretika**

---

Tarikh: 31 Ogos 2022

1. Sebuah premis perniagaan didapati menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan enam bangku pasar didapati belum mendaftarkan alat timbangan semasa pemeriksaan bersepadu yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi.
2. Pemeriksaan bersepadu dijalankan sebagai sebahagian daripada penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, serta Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, dalam usaha bagi mempromosi iklim perniagaan yang beretika. Pemeriksaan bersepadu berkenaan dijalankan di Pasar Jerudong, Pasar Tani Selayun dan premis-premis perniagaan di sepanjang kawasan Jerudong.
3. Pihak JPES mengeluarkan sebanyak satu tawaran kompaun berjumlah \$500.00 kepada Hidayah Haris Enterprise atas kesalahan menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi beberapa produk minyak masak. Manakala, pihak Unit SDT juga mengeluarkan sejumlah enam Notis Penyitaan ke atas pemilik alat timbangan di Pasar Jerudong dan Pasar Tani Selayun kerana tidak mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151. Disamping itu, beberapa bangku pasar juga diarahkan untuk sentiasa memaparkan tanda harga bagi barangan yang dijual.

4. Skop penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya merangkumi pemeriksaan paparan tanda harga bagi memastikan tanda harga dipamerkan dengan jelas dan tidak menggelirukan Pengguna. Turut termasuk di bawah skop penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 adalah pemeriksaan ke atas barangan yang dikawal dan ditetapkan harga maksimum bagi memastikan kepatuhan peniaga kepada harga yang telah ditetapkan.
5. Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 menghendaki semua alat-alat timbangan dan sukatan yang digunakan untuk tujuan perdagangan / perniagaan didaftarkan dan disahkan oleh pegawai pemeriksa yang dilantik di bawah Akta berkenaan.
6. Para peniaga dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi undang-undang yang sedia ada dan mengamalkan perniagaan yang beretika dalam usaha bagi mewujudkan iklim perniagaan yang berdaya tahan dan kompetitif yang seterusnya boleh menyumbang kepada penggunaan yang mampan dan merangsang aktiviti perekonomian Negara.
7. Semasa pemeriksaan bersepadu ini juga, para peniaga di pasar berkesempatan mengongsikan faktor cuaca yang tidak menentu dan kenaikan kos input tanaman iaitu baja menyumbang kepada kenaikan harga jualan. Seterusnya, seorang pengguna juga mengongsikan pengalaman berbelanja dengan bijak melalui membuat perbandingan harga di antara beberapa kedai sebelum membuat pembelian.
8. Bagi sebarang aduan dan pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi saluran-saluran rasmi berikut:
  - a) **Akta Kawalan Harga, Penggal 142** – Jabatan Hal Ehwal Pengguna di JPES melalui Talian Darussalam 123 (TD123) atau aplikasi mudah alih PenggunaBijak.
  - b) **Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151** – Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn).

\*\*\*\*\*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi